

14 DEC 1999

Hishammuddin-Jawatan

HISHAMMUDDIN MINTA SOKONGAN PADU KAKITANGAN KEMENTERIAN

KUALA LUMPUR, 14 Dis (Bernama) -- Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein meminta semua kakitangan kementerian perlu menggembleng tenaga bagi menjayakan matlamat kementerian.

Katanya, beliau mahu setiap petugas komited dan gigih melaksanakan tugas masing-masing yang dijangka lebih mencabar menjelang abad baru.

"Sebagai pemimpin muda, saya rayu sokongan, bimbingan dan teguran kalau ada tetapi dalam masa yang sama saya perlukan semua komited dan gigih melaksanakan tugas bersama," katanya pada pertemuan singkat dengan para pegawai kementerian itu di sini selepas majlis penyerahan tugas di kementerian itu.

Hishammuddin, 38, adalah antara lima timbalan menteri yang dinaikkan pangkat ke jawatan menteri dalam barisan kabinet yang diumumkan oleh Perdana menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Jumaat lepas.

Beliau mengambilalih jawatan itu daripada Tan Sri Muhyiddin Yassin yang kini dilantik Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Hishammuddin, yang juga pemangku Ketua Pergerakan Pemuda Umno, akan dibantu oleh timbalannya Datuk Ong Tee Keat, yang juga Ketua Pemuda MCA.

Ketika ditanya tentang rancangan dan masa depan kementerian itu, beliau berkata beliau memerlukan sedikit masa bagi melihat dari dekat apa yang telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh kementerian itu.

"Saya harap dapat turun padang bagi mendapatkan pandangan semua aspek. Dari situ saya harap dapat tahu lebih dekat dan dapat atur langkah selanjutnya," katanya.

Beliau juga berkata beliau ingin melihat masyarakat negara ini tidak kira tua atau muda membabitkan diri dalam aktiviti kesukanan.

Ditanya mengenai kombinasi dua pemimpin Pemuda BN di bawah satu bumbung itu, beliau berkata kombinasi itu bukan perkara baru.

"Kami memang telah bekerjasama apabila berada di bawah Pemuda Barisan Nasional (BN)," katanya.

Beliau berkata apa yang penting sekarang ialah usaha membangunkan generasi muda dan bagaimana golongan itu dapat disuntik nilai baik.

-- BERNAMA

NZ NMO